

1,000 Terkandas Dibenar Turun Kapal

PUTRAJAYA : Lebih 1,000 anak kapal rakyat tempatan dan asing yang terkandas susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu telah dibenarkan turun dari kapal secara berperingkat. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dalam kenyataannya semalam berkata, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah mengeluarkan Notis Perkapalan Malaysia agar anak-anak kapal yang terkandas dibenarkan turun kapal (*sign-off*) secara berperingkat dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Mereka tidak dapat pulang ke kediaman masing-masing walaupun tempoh kontrak kerja mereka telah tamat dan demi menjaga kebajikan serta kesihatan mental anak-anak kapal tersebut, notis tersebut dikeluarkan," katanya.

Menurutnya, Malaysia akan membenarkan pertukaran anak kapal warganegara asing secara sepenuhnya iaitu *sign-on* dan *sign-off*. "SOP bagi membolehkan *sign-on* anak-anak kapal warganegara asing kini sedang dalam kerjasama pelbagai agensi yang berkaitan termasuk JLM. "Setelah ia diperkemaskan, JLM akan mengeluarkan satu notis khusus mengenainya," katanya.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat JLM di Klang, Selangor.

Sementara itu, mengulas mengenai aspek pembukaan perkhidmatan Institut Latihan Maritim, SOP yang ketat telah dikeluarkan oleh JLM pada 15 Jun 2020. "Mana-mana institut yang mematuhi SOP tersebut dibenarkan untuk membuka sepenuhnya kursus pelaut secara fizikal dan bersemuka," katanya.

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 8 | 17 JUN 2020